



Shoba (kiri) hadir menerima ijazah bagi pihak anaknya yang disampaikan Tengku Abdullah dan diiringi Daing Nasir (kanan) selepas tamat sidang pertama majlis konvokesyen berkenaan.

DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN - Seorang ibu tunggal sebak apabila menerima Anugerah Anumerta di Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia PAhang (UMP) Ke-12 di sini, kelmarin.

Ia dianugerahkan kepada penuntut Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, N Kamalanathan, 23, yang meninggal dunia September lalu.

Ibu mendiang, P Shoba, 59, yang bekerja sebagai penoreh getah di sebuah estet di Kuala Krai, Kelantan hadir menerima ijazah bagi pihak anaknya itu yang disampaikan Canselor, Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah selepas tamat sidang pertama majlis konvokesyen itu.

Shoba berkata, dia begitu terharu apabila mendapat jemputan mewakili mendiang anaknya ke majlis konvokesyen berkenaan namun sedikit terkilan kerana tidak dapat menyaksikannya anaknya itu menaiki pentas mengambil ijazah.

"Kami memang amat terasa kehilangan Kamalanathan sebab dia saja harapan untuk ubah nasib kami sekeluarga.

SINAR HARIAN (CAMPUS) 20/11/17 (C5NIN)

M/S: 41

Ibu terima ijazah anak

Shoba terharu dapat wakili mendiang anaknya

Lepas suami meninggal dunia, memang saya berharap pada Kamalanathan sebab dia anak tunggal lelaki.

"Sekarang hanya tinggal kenangan saja," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah berkenaan.

Dalam pada itu, Shoba yang berkongsi cerita berkaitan kejadian berkata, ia berlaku sekitar jam 8 malam ketika anaknya menunggang motosikal. Menurutnya, Kamalanathan

bertembung dengan sebuah pacuan empat roda di Kilometer 61.5, Jalan Kuala Krai-Gua Musang dekat Kampung Batu Jong, Kuala Krai.

"Masa tu dia dalam perjalanan nak potong rambut sebab nak lapor diri kerja di Klang.

"Dia meninggal dunia di tempat kejadian dan dihantar ke Hospital Kuala Krai (HKK) untuk bedah siasat," katanya.

Sementara itu, katanya lagi, cita-cita mendiang anaknya yang mahu menjadi seorang jurutera kini hanya tinggal kenangan.

"Tapi sebagai mak, kejayaan dia adalah kebanggaan kami.

"Saya nak ucap terima kasih kepada UMP sebab sudi uruskan pengangkutan dan penginapan saya. Kalau tak memang susahlah saya nak datang ke sini," katanya.